

CAVUMOX SYRUP

Amoxicillin trihydrate / Clavulanic Acid (125 mg / 31 mg per 5 mL)

Apakah Yang Ada Pada Risalah Ini

1. Apakah kegunaan CAVUMOX SYRUP
2. Bagaimana CAVUMOX SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan CAVUMOX SYRUP
4. Cara menggunakan CAVUMOX SYRUP
5. Semasa menggunakan CAVUMOX SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CAVUMOX SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah Kegunaan CAVUMOX SYRUP

CAVUMOX SYRUP digunakan untuk merawat jangkitan bakteria pada telinga tengah dan sinus, saluran pernafasan, saluran kencing, kulit dan tisu lembut dan jangkitan lain seperti pada tulang dan sendi, dan selepas prosedur pembedahan.

Bagaimana CAVUMOX SYRUP berfungsi

CAVUMOX SYRUP mengandungi dua bahan aktif iaitu amoxicilin dan clavulanic acid. Kedua-duanya adalah antibiotik yang berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan CAVUMOX SYRUP

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan ambil ubat ini jika:
 - anak anda alah atau pernah mengalami reaksi alahan yang teruk terhadap amoxicilin, clavulanate, antibiotik berasaskan penisilin lain, cephalosporin atau antibiotik yang serupa atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut).
 - jika anak anda mempunyai atau mengalami masalah hati atau jaundis (kulit dan/atau mata putih menjadi kuning) apabila mengambil antibiotik.

- Sebelum mengambil CAVUMOX SYRUP

Beritahu doktor anda jika anak anda:

- mempunyai masalah phenylketonuria kerana ubat ini mengandungi aspartame
- mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- tidak kerap kencing
- mempunyai sejarah cirit-birit semasa atau selepas terapi antibiotik

Dalam sesetengah kes, doktor anda mungkin menyiasat jenis bakteria yang menyebabkan jangkitan anda. Bergantung pada keputusan, anda mungkin diberi kekuatan yang berbeza atau ubat yang berbeza.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anak anda mengambil mana-mana ubat berikut:

- probenecid dan allopurinol (digunakan untuk gout)
- ubat cair darah (seperti warfarin)
- mycophenolate mofetil (digunakan untuk mencegah penolakan selepas pemindahan organ)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anak anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda dapatkan tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan anda.

Cara menggunakan CAVUMOX SYRUP

- Berapa banyak harus diambil
CAVUMOX SYRUP hanya untuk kanak-kanak berumur sehingga 12 tahun.

Doktor akan menentukan dos yang sesuai untuk anak anda mengikut berat badan anak anda dan tahap keterukan jangkitan.

Secara umumnya, dos adalah seperti berikut:

- 7 – 12 tahun: 10 mL (2 sudu teh)
- 2 – 7 tahun: 5 mL (1 sudu teh)
- 9 bulan – 2 tahun: 2.5 mL

Individu yang mempunyai masalah buah pinggang dan hati

- Jika anak anda mengalami masalah buah pinggang, dos mungkin diturunkan.

- Jika anak anda mempunyai masalah hati, mereka mungkin memerlukan ujian darah yang lebih kerap untuk melihat bagaimana fungsi hati mereka.

Arahan penggunaan:

1. Goncangkan botol untuk melonggarkan serbuk.
2. Buka penutup dan isi botol dengan air sehingga tanda aras pada label.
3. Goncang lagi sehingga serbuk larut sepenuhnya.
4. Goncang botol setiap kali sebelum pengambilan.

- Bila perlu diambil

Ambil tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil bersama makanan untuk mengurangkan ketidakselesaan perut.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil CAVUMOX SYRUP mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Tempoh rawatan biasanya sehingga 14 hari. Jika keadaan anda bertambah teruk atau tidak bertambah baik, sila berjumpa doktor sekali lagi.

- Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemuadain teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

CAVUMOX SYRUP

Amoxicillin trihydrate / Clavulanic Acid (125 mg / 31 mg per 5 mL)

- Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pegi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan ketidakselesaan perut, ketidakseimbangan elektrolit dalam badan, pembentukan kristal dalam air kencing, masalah buah pinggang atau sawan.

Semasa menggunakan CAVUMOX SYRUP

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti mana yang diarahkan oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil CAVUMOX SYRUP.
- Ambil CAVUMOX SYRUP hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor anda.
- Jangan berikan CAVUMOX SYRUP kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anak anda mengalami cirit-birit semasa mengambil ubat ini, atau selepas menghabiskan antibiotik, sila berjumpa doktor dengan segera.

Ujian darah dan air kencing

Jika anak anda perlu menjalani ujian darah (seperti ujian sel darah merah atau ujian fungsi hati) atau ujian air kencing (untuk glukosa), beritahu doktor atau jururawat bahawa anak anda sedang mengambil CAVUMOX SYRUP. Ini kerana CAVUMOX SYRUP boleh menjejaskan keputusan ujian-ujian tersebut.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, CAVUMOX SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

CAVUMOX SYRUP boleh menyebabkan alahan teruk dan tindak balas kulit yang serius.

Berhenti menggunakan CAVUMOX SYRUP dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Berhenti mengambil CAVUMOX SYRUP dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala yang berikut:

- Reaksi alergi yang serius seperti *Drug Reaction with Eosinophilia and Systemic Symptoms* (DRESS). DRESS muncul pada mulanya seperti gejala selesema dengan ruam di muka dan kemudiannya ruam yang berlanjutan, suhu tinggi dan pembesaran nodus limfa.

Kesan-kesan sampingan biasa:

- Cirit-birit
- Loya
- Muntah
- Jangkitan kulat pada membran mukus dan kulit

Kesan-kesan sampingan yang tidak biasa berlaku:

- Pening
- Sakit kepala
- Ketidakhadaman
- Enzim hati meningkat
- Ruam
- Kegatalan

- Geligata

Kesan-kesan sampingan yang lain:

- bacaan darah yang tidak normal dan gangguan pendarahan
- bengkak pada kulit, seperti di muka atau tekak (*angioedema*)
- keradangan saluran darah yang mungkin kelihatan seperti bintik merah atau ungu yang timbul pada kulit, tetapi boleh menjejaskan bahagian lain badan (*hypersensitivity vasculitis*)
- terlebih aktif
- sawan
- lidah menjadi hitam dan berbulu
- keradangan hati
- jaundis, yang boleh menyebabkan kulit dan putih mata anda kelihatan kuning
- keradangan tiub pada buah pinggang
- kristal dalam air kencing

Sekiranya anda mendapat kesan sampingan, beritahu doktor atau ahli farmasi jika mana-mana kesan sampingan menjadi teruk atau jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan dalam senarai ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers* → *Reporting* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan CAVUMOX SYRUP

- Penyimpanan

Serbuk:

Simpan di tempat kering di bawah suhu 25°C dalam pembungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Selepas dibancuh:

Sebaik dibancuh, ianya mesti disimpan di dalam peti sejuk (suhu 2°C hingga 8°C) dan digunakan dalam masa 5 hari. Jangan dibekukan.

CAVUMOX SYRUP

Amoxicillin trihydrate / Clavulanic Acid (125 mg / 31 mg per 5 mL)

- | | |
|--|--|
| <p>- <u>Pelupusan</u>
Ubat tidak sepatutnya dilupuskan menerusi air buangan atau sampah sarap rumah. Tanya ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.
Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.</p> | <p>Serial Number
NPRA(R4/1)310704/00095</p> |
|--|--|

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk
CAVUMOX SYRUP ialah serbuk putih krim dengan bau tertentu yang dibekalkan dalam botol kaca ambar. Setelah dibancuh, ia menjadi suspensi berwarna putih krim.
- Bahan Kandungan
 - Bahan aktif
Setiap 5 ml mengandungi:
Amoxicillin (sebagai amoxicillin trihydrate) 125 mg
Clavulanic acid (sebagai potassium clavulanate) 31.25 mg
 - Bahan tidak aktif
D-mannitol, sodium citrate dihydrate, caramel, banana flavour, mint flavour, xanthan gum, aspartame.
- Nombor MAL
MAL20014319AZ

Pengilang:

Siam Bheasach Co., Ltd.,
123 Soi Chokechairuammitr,
Vibhavadi-Rangsit Road, Chomphon,
Chatuchak, Bangkok 10900 dan 9
Soi Chokechairuammitr 3,
Vibhavadi-Rangsit Road, Dindang,
Dindang, Bangkok 10400, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk:

SPG Pharma (Malaysia) Sdn. Bhd.,
Suite 1701, Block A, Damansara
Intan e-Business Park,
No. 1, Jalan SS20/27, 47400 Petaling
Jaya, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

01/08/2024